

Inspirasi bot nelayan tradisional

Sinar Harian 5/4/2021 m15,19

Bot mini boleh digerakkan menggunakan kawalan jauh dengan kos RM7,000

Oleh NORHASPIDA YATIM

MARANG

Biasanya bot kawalan jauh menumpukan kepada reka bentuk *sporty* dan moden selain kelajuannya diambil kira sebelum dibeli, namun berbeza bagi Mohammad Shahmil Zakaria, 27, yang meminati bot nelayan tradisional.

Pembikinan bot yang boleh digerakkan menggunakan kawalan jauh (RC) itu membabitkan kos keseluruhan sebanyak RM7,000.

Mohammad Shahmil berkata,

reka bentuk bot mini itu mengekalkan keaslian bot tradisional tempatan di samping fungsinya 90 peratus sama dengan bot sebenar.

"Minat bermula selepas arwah ayah saya bawa balik sebuah bot namun reka bentuknya saya lihat tidak serupa dengan bot tempatan yang ada sekarang.

"Daripada situ saya mula mencari seseorang yang boleh mengajar saya membuat bot bersaiz mini dengan reka bentuk bot tempatan yang boleh berfungsi sama dengan bot yang sebenar," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Pantai Seberang Marang di sini.

Mohammad Shahmil yang berasal dari Kampung Rhu Renggeh di sini berkata, bot bersaiz 1.2 meter panjang dan 30 sentimeter lebar itu seberat 30 kilogram dan 12 kali ganda lebih kecil berbanding bot sebenar.

Katanya, dia mengambil masa selama dua tahun untuk mempelajari kaedah pembuatan bot daripada rakannya, Mat Nor Abu Bakar, 42, yang berasal dari Kampung Bukit Gasing di sini.

"Sebenarnya sehingga sekarang saya masih lagi belajar se-lok-belo pembuatan bot ini. Saya ambil masa 11 bulan untuk menghasilkan bot ini kerana perlu melalui banyak proses.

"Saya perlu kaji saiz bot asal dan aksesori yang sesuai kerana bot C2 lebih banyak aksesori. Lagipun saya buat secara sambilan, kalau tumpu betul-betul boleh siap dalam tiga bulan sahaja," katanya.



Ada yang menawarkan harga RM6,000 untuk bot nelayan yang dihasilkan oleh Mohammad Shahmil (kanan) ini tetapi dia tidak mahu menjualnya.

Bot yang mula dihasilkan pada Oktober 2018 dan siap September 2019 diinspirasikan daripada bot nelayan Jasa-19 di Tok Bali kerana lebih kepada reka bentuk asli bot tempatan.

Katanya, bagi memastikan bot tahan lama, dia menggunakan kayu pulai, tembaga, aluminium dan *stainless steel* sebagai asas utama pembuatan.

"Antara kelebihan kayu pulai ialah ringan dan tahan lama. Jadi saya gunakan 100 peratus kayu solid. Jika dijaga dengan baik, ia boleh tahan lebih 30 tahun," katanya.

Namun begitu, Mohammad Shahmil tidak berhasrat menjual bot berkenaan kerana ia lebih kepada minat dan hobi.

"Ada yang tawarkan harga RM6,000 untuk beli bot ini, tapi saya tidak boleh terima kerana bot yang saya hasilkan ini adalah yang terakhir selepas bot kelas


C sebelum ini, malah kosnya juga lebih mahal dan fungsinya 90 peratus sama seperti bot sebenar.

"Kos bagi sesebuah bot tak termasuk enjin mungkin dalam RM3,000 ke RM4,000. Kalau dengan enjin kena tambah dalam RM2,000 bergantung pada jenis enjin yang digunakan," katanya.

Menurutnya, bahagian kabin bot adalah paling sukar untuk dihasilkan terutama untuk menstabilkan bahagian kiri dan kanan bot mengikut spesifikasi sebenar.

Sementara itu, Mat Nor berkata, cabaran bagi bot yang dihasilkan ialah daya ketahanan kerana dimainkan di air masin.

"Cabaran bagi kita kerana bot yang dihasilkan ini dimainkan di air laut sesuai dengan ombak sebab ia lebih mencabar dan lebih memberikan kepuasan ketika bermain," katanya.



Mohammad Shahmil bersama replika bot yang diinspirasikan daripada bot nelayan Jasa-19.



Mohammad Shahmil bermain bot nelayan kawalan jauh ciptaaninya di Pantai Seberang Marang.